



**NOTIS
PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(AKADEMIK & ANTARABANGSA)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

**TEMPOH BERTENANG
BERIKUTAN BENCANA BANJIR LUAR BIASA
SEMESTER PERTAMA SESI 2021/2022 (A211)**

Bencana banjir luar biasa yang melanda sebahagian negara telah menjejaskan aktiviti pengajaran dan pembelajaran bagi Semester A211.

Justeru itu, UUM sangat mengambil berat dan prihatin atas nasib yang melanda pensyarah dan pelajar ketika ini. Bagi meringankan serta membantu mengurangkan bebanan mereka, maka universiti mengumumkan semua kuliah dibatalkan mulai Isnin - Sabtu (20 – 25 Disember 2021). Sepanjang tempoh ini tiada sebarang aktiviti kuliah, pentaksiran dan tempoh penghantaran tugas berlaku. Berikutan dengan pembatalan kuliah ini maka pensyarah boleh menggunakan minggu pertama ulangkaji (23 hingga 27 Januari 2022) bagi tujuan penggantian kuliah.

Seluruh warga Universiti Utara Malaysia mendoakan agar semua pensyarah dan pelajar yang terlibat dengan bencana banjir ini diberikan kekuatan untuk menghadapi ujian ini dan dilindungi dari sebarang musibah.

Sekian, terima kasih

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Universiti Utara Malaysia
19 Disember 2021